

Percetakan Melayu dan Suratkhobar di Taiping, Perak*

MOHD. SARIM BIN HJ. MUSTAJAB

Kegiatan penerbitan suratkhobar di Perak telah bermula pada penghujung abad kesembilan belas apabila terbit suratkhobar *Seri Perak* pada bulan Jun 1893. Sebagai sebuah bandar utama di Perak, Taiping menjadi tempat mulanya terbit suratkhobar dalam bahasa Melayu di Semenanjung. Taiping juga mendahului bandar-bandar lain di Perak dalam kegiatan penerbitan suratkhobar. Aktiviti penerbitan suratkhobar Melayu pada penghujung abad kesembilan belas semakin rancak berlaku apabila terbit suratkhobar *Jajahan Melayu* pada tahun 1896 dan *Warta Kerajaan Perak* pada bulan Januari 1897. Munculnya dua buah suratkhobar ini di bandar Taiping selepas terbitnya *Seri Perak* dalam jarakmasa yang begitu singkat, menunjukkan bahawa pada dekad itu Taiping sudah mempunyai infrastruktur yang baik untuk menampung kegiatan penerbitan akhbar.¹ Memandang kepada pentingnya peranan yang dimainkan oleh Taiping dalam kegiatan penerbitan dan percetakan, maka rencana ini akan cuba melihat faktor-faktor yang telah mendorong kepada wujudnya kegiatan penerbitan di bandar ini. Di samping menggalurkan perkembangan penerbitan suratkhobar di Taiping, satu pengenalan terhadap perkembangan dunia percetakan Melayu serta aktiviti penerbitan suratkhobar di Negeri-negeri selat dan di Semenanjung Tanah Melayu khususnya pada abad ke 19 akan dibicarakan.

LATARBELAKANG

Dunia percetakan Melayu sebenarnya telah bermula sejak awal abad ke-17 lagi. Bagaimanapun halnya, buku Melayu yang pertama dicetak itu bukanlah terbit di alam Melayu tetapi terbit di Amsterdam, pada tahun 1603 yang berjudul *Spraek ende woord-boeck Inde Maleysche ende Madagaskarche Talen*, karangan Frederick de Houtman.² Buku ini berisi daftar kata dan contoh percakapan dalam bahasa Melayu dan Belanda serta beberapa bahagiannya dalam bahasa Madagaskar. Karya Frederick de Houtman amat penting kerana ia merupakan buku Melayu terawal yang dicetak. Ekoran dari

* Kertaskerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Sejarah Larut, Matang dan Selama ke arah "Taiping Bandar Bersejarah", 19-20 November, 1990.

terbitnya buku de Houtman ini, kita lihat aktiviti percetakan buku-buku di dalam bahasa Melayu di Nusantara telah diusahakan oleh mubaligh kristian yang beroperasi di beberapa pusat terpenting di Asia Tenggara. Tujuan mubaligh Kristian ini menerbitkan buku adalah semata-mata untuk menyebarkan ajaran agama Kristian di kalangan masyarakat yang berbagai bangsa di Nusantara. Perlu dijelaskan juga di sini bahawa buku-buku di dalam Bahasa Melayu yang diterbitkan pada zaman awal ini sebilangan besarnya menggunakan huruf rumi. Buku Melayu di dalam tulisan jawi cuma muncul di Holland pada tahun 1677 dan sebilangan besarnya berisi maklumat mengenai kitab injil serta hal-hal berkaitan dengan agama kristian.³

Bertolak dari sini maka sehingga awal abad kesembilan belas terdapat banyak buku-buku di dalam bahasa Melayu diterbitkan oleh pihak misi kristian. Yang penting bagi kita ialah disamping menjalankan kegiatan penerbitan buku agama kristian, ada di kalangan paderi-paderi itu yang berusaha untuk menerbitkan buku-buku cerita tempatan yang perlu digunakan sebagai bahan bacaan murid-murid di sekolah missionari. Salah satu daripada buku awal yang diterbitkan untuk tujuan ini, dengan litograf ialah *Hikayat Perlanduk Jenaka*.

Kegiatan penerbitan buku serta majalah di dalam bahasa Melayu pada dekad awal kesembilan belas juga dimonopoli oleh golongan paderi kristian, justeru kerana mereka mempunyai *access* serta alat-alat percetakan untuk memudahkan percetakan buku, mahupun majalah dan suratkhbar. Pada peringkat awal zaman perkembangan percetakan Melayu di Asia Tenggara, aktiviti percetakan hampir sebahagian besarnya diusahakan oleh pergerakan *London Missionary Society* yang telah mendirikan gedung percetakan mereka di Melaka, Pulau Pinang, Singapura dan Betawi (Batavia). Disamping itu terdapat juga percetakan yang diusahakan oleh golongan *Baptist* di Bencoolen dan oleh *American Board of Commissioners for foreign Missions* di Singapura serta *The Rotterdam Missionary Society* di Ambon. Walaupun pada mulanya gedung percetakan misi Kristian ini didirikan dengan tujuan untuk mencetak buku-buku agama Kristian untuk disebarkan kepada rakyat di Negeri China, ternyata aktiviti itu sedikit demi sedikit telah beralih ke dalam masyarakat Nusantara.⁴

Di Negeri-negeri Selat, aktiviti percetakan dan penerbitan buku serta majalah dalam bahasa Melayu diusahakan oleh *The London Missionary Society* (LMS) yang beroperasi di Melaka. Kegiatan misi Kristian di Melaka diletakan di bawah pengawasan C.H. Thompsen dan Rev. William Milne, yang mendapat bantuan penterjemahan dari Munsyi Abdullah b. Abdul Kadir. Majalah pertama yang diterbitkan oleh LMS di dalam bahasa Melayu berjudul *Bustan Arifin*, terbit antara tahun 1821 sehingga 1822.⁵

Kegiatan mencetak buku oleh C.H. Thompsen beralih ke Singapura pada tahun 1822, setelah didapati kemudahan di Melaka tidak mencukupi bagi keperluan mereka. Di Singapura bersama-sama Munsyi Abdullah, mereka

mengusahakan penerbitan buku seperti *Syair Injil* serta risalah-risalah lain untuk dakyah agama Kristian dan juga buku untuk dibaca oleh murid-murid sekolah. Terdapat buku-buku umum yang lain yang bersifat mendidik yang diterbitkan seperti buku *Ilmu Hisab* (Melaka, 1825), buku ejaan dan bacaan seperti *Bahawa Kitab ini akan menolong segala kanak-kanak yang baharu belajar bahasa Melayu supaya segera ia boleh mengenal dan mencepat akan segala huruf yang ada dalam surat Melayu dengan tiada bersusah-susah*, dikarang oleh C.H.Thompsen dan dicetak di Melaka pada tahun 1818. Judul-judul buku lain seperti *Hikayat Robinson Crusoe* dan *Hikayat Binatang* (Singapura, 1845) diterbitkan untuk tujuan sumber bacaan murid sekolah.

Usaha Thompsen menerbitkan buku di dalam bahasa Melayu disambung oleh Benjamin Peach Keasberry dan Munsyi Abdullah di Bukit Zion, Singapura dimana mereka berjaya menerbitkan beberapa buah buku seperti *Hikayat Kalilah dan Daminah*, *Kisah Pelayaran Abdullah*, *Cerita Kapal Asap*, *Cerita Darihal Haji Sabar Ali* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Jeddah*.⁶ Dalam konteks kegiatan penerbitan akhbar dan majalah Melayu, peranan yang dimainkan oleh golongan paderi Kristian ini adalah penting kerana merekalah golongan yang mula-mula sekali membawa masuk teknik mencetak ke alam Melayu dan menjadi golongan yang pertama sedar akan kegunaan media cetak untuk menyebarkan maklumat serta ilmu pengetahuan.

Beberapa buah majalah di dalam bahasa Melayu yang terbit ekoran dari kegiatan paderi Kristian di Negeri Selat ini terdiri dari majalah *Cermin Mata* (1857-59); *Pungutib Segala Remah Pungatauan* (1852); *Plajaran Skola Agama* (1896); *Warta Melayu* (1895); dan *Sahabat* (1895-1905). Hampir kesemua majalah ini ditulis dengan tulisan rumi terkecuali majalah *Cermin Mata* yang dicap batu dan ditulis dengan tulisan jawi.⁷ Walaupun misi Kristian ini tidak menerbitkan suratkhobar tetapi tradisi percetakan yang telah mereka asaskan itu telah mempengaruhi perkembangan kegiatan penerbitan suratkhobar di zaman selepas mereka. Ekoran dari kegiatan penerbitan majalah oleh golongan paderi ini, maka kita lihat telah muncul beberapa suratkhobar Melayu di Singapura, yang diusahakan oleh masyarakat *Jawi Peranakan*.

Selain dari Singapura, penerbitan misi Kristian ini dapat juga dilihat di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang sejak tahun 1806 lagi sudah kedapatan sebuah gedung percetakan yang diusahakan oleh seorang paderi dari London Missionary Society iaitu Thomas Beighton. Beliau dikatakan telah menerbitkan beberapa buah risalah agama Kristian dan telah dibantu oleh seorang penterjemah Peranakan bernama Said Muhammad Ali. Thomas Beighton dikatakan telah menerbitkan risalah-risalah yang membandingkan agama Islam dan Agama Kristian.⁸ Pentingnya perkembangan di Pulau Pinang ini disebabkan ianya telah mempengaruhi masyarakat *Jawi Pekan* yang bermastautin di Pulau Pinang masa itu untuk menerbitkan suratkhobar mereka sendiri. Selain dari itu masyarakat *Jawi Peranakan* di Pulau Pinang

dikatakan telah turut sama terlibat di dalam bidang percetakan menjadikannya satu aktiviti perniagaan yang begitu maju.

JAWI PERANAKAN DAN PENERBITAN AKHBAR DI TAIPING

Kegiatan penerbitan suratkhobar di dalam bahasa Melayu pada penghujung abad ke-19, khususnya di Singapura dan juga di Pulau Pinang, telah diusahakan oleh masyarakat *Jawi Peranakan* atau *Jawi Pekan* yang beroperasi di kedua-dua buah kotaraya ini. Di Singapura misalnya, terbitan suratkhobar *Jawi Peranakan* pada tahun 1876 dikatakan telah membuka satu era baru dalam kegiatan penerbitan suratkhobar didalam bahasa Melayu. Pada tahun selepas ini, beberapa buah suratkhobar yang diusahakan oleh golongan Jawi Pekan ini telah terbit di Singapura seperti *Nujumul Fajar*, *Shamsul Kamar* dan *Sekola Melayu*. Pulau Pinang juga tidak ketinggalan dalam kegiatan penerbitan suratkhobar. Hasil usaha masyarakat Jawi Peranakan, telah terbit di Pulau Pinang suratkhobar *Tanjung Penegeri* (1894-5), *Pemimpin Warta* (1895-7) dan *Lengkongan Bulan* (1900-1). Ada pendapat mengatakan bahawa kerancakan aktiviti penerbitan suratkhobar oleh golongan masyarakat Jawi Peranakan pada waktu ini, dipengaruhi oleh kemunculan beberapa buah suratkhobar Inggeris di Negeri Selat seperti *The Malay Mail*, *Singapore Free Press* serta juga oleh penerbitan suratkhobar Cina Peranakan seperti *The Straits Chinese Herald* dan *Bintang Timor*.⁹

Di Semenanjung Tanah Melayu, Taiping menjadi tempat mulanya terbit suratkhobar Melayu yang dinamakan *Seri Perak*. Terbit pada bulan Jun 1893, suratkhobar ini telah diusahakan oleh segolongan masyarakat Jawi Pekan yang menjalankan aktiviti perniagaan di bandar ini. Disebabkan tidak ada satu naskah suratkhobar *Seri Perak* ini yang masih tersimpan, maka boleh diandaikan bahawa penerbitan suratkhobar *Seri Perak* sebagaimana juga dengan keadaan di Negeri Selat, telah diinisiatifkan oleh masyarakat Jawi Peranakan di bandar Taiping.¹⁰ Seorang penulis yang menjalankan kajian mengenai suratkhobar Melayu di Negeri-negeri Selat dan di Semenanjung ada mengatakan bahawa *Seri Perak* diterbitkan oleh orang Melayu (Peranakan) sepenuhnya dan penyuntingnya yang pertama ialah Haji Abdul Kadir bin Setia Raja.

Pandangan ini turut sama disokong oleh Mohamad bin Dato Muda di dalam bukunya *Tarikh Surat Khabar*.¹¹ Sehubungan dengan hal ini, suratkhobar *Jajahan Melayu* yang terbit empat tahun selepas *Seri Perak*, ada merakamkan bahawa pengarang suratkhobar *Seri Perak* telah menggunakan nama samaran "Pengantara" iaitu nama gelaran bagi Haji Abdul Kadir b. Setia Raja. Dilaporkan juga bahawa *Seri Perak* adalah suratkhobar Melayu yang pertama sekali terbit di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Bagaimanapun halnya, satu fakta yang telah ditemui oleh penulis semasa meneliti suratkhobar Inggeris

Perak Pioneer yang terbit pada 1894 ada menjelaskan bahawa, suratkhobar *Seri Perak* pernah diterbitkan oleh tuan punya *Taiping Press* iaitu Mr. M.D. Rozario. *Taiping Press* waktu itu terletak di No. 35 dan 37 Main Road, Taiping.¹² Selain dari menjadi penerbit dan pencetak suratkhobar *Perak Pioneer*, M.D. Rozario juga menjadi penerbit kepada suratkhobar Mingguan Tamil *Perak Varthamani*. Sehingga tahun 1894, iklan mengenai penerbitan kedua-dua buah suratkhobar *Seri Perak* dan *Perak Varthamani* ini masih disiarkan dihalaman suratkhobar *Perak Pioneer*.¹³ Justeru itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menolak pendapat yang mengatakan bahawa *Seri Perak* mengakhiri penerbitan pada penghujung tahun 1893. Besar kemungkinan *Seri Perak* telah diterbitkan pada mulanya oleh Jawi Peranakan di Taiping dan ada kemungkinan kemudiannya suratkhobar itu bertukar tangan setahun selepas ianya diterbitkan.

Satu hal penting yang dapat dilihat dari perkembangan ini ialah, peranan yang dimainkan oleh orang Jawi Peranakan dan juga orang Sri Lanka yang datang berhijrah ke bandar ini dalam menggerakkan aktiviti percetakan dan penerbitan. Kemajuan yang dicapai oleh Taiping sejak bandar ini berkembang sebagai pusat perlombongan dan pentadbiran telah menarik ramai orang Cina, India dan juga orang-orang Jawi Pekan dari Negeri-Negeri Selat seperti Pulau Pinang untuk datang berniaga di Taiping. Sejak akhir kurun ke 19, Taiping berkembang lebih cepat dari Kuala Lumpur dan menawarkan banyak kemudahan kepada peniaga yang ingin melabur modal ataupun menjalankan operasi perniagaan.¹⁴

Berkembangnya perkhidmatan keretapi menjadikan Taiping satu tempat tumpuan orang asing, untuk datang bekerja dengan keretapi umpamanya orang Punjabi, orang Sri Lanka dan juga orang Eropah. Begitu juga sebagai pusat pentadbiran yang penting, pegawai-pegawai Inggeris yang lebih kanan banyak ditempatkan di Taiping. Wujudnya satu masyarakat yang terdiri dari berbagai kumpulan ethnik, yang mempunyai citarasa yang berbeza, menjadikan Taiping sebuah bandar yang menarik untuk golongan peniaga. Kemajuan bandar dan pertumbuhan institusi pendidikan, mendorong kepada wujudnya satu kumpulan masyarakat yang *literate* yang dapat mendukung institusi penerbitan buku dan juga suratkhobar.

Tradisi menerbitkan suratkhobar yang telah berakar umbi di kalangan anggota masyarakat Jawi Pekan di Negeri Selat nampaknya dibawa ke Taiping. Justeru itu tidak menghairankan jika kegiatan penerbitan suratkhobar di Taiping pada peringkat awal ini dimonopoli oleh golongan Jawi Peranakan. Selain dari Jawi Peranakan, orang Sri Lanka juga dikatakan turut menyumbang dalam memajukan perusahaan percetakan dan penerbitan suratkhobar, baik didalam bahasa Melayu maupun di dalam bahasa Inggeris. Sejak tahun 1880 orang Sri Lanka atau orang Selon (Ceylon), banyak berhijrah ke Taiping dan Port Weld samada untuk bekerja di pejabat kerajaan ataupun untuk bekerja

dengan keretapi. Keretapi Larut yang menghubungkan Port Weld dan Taiping sepanjang 8 batu telah dibina oleh orang Sri Lanka.¹⁵

Kemasukan beramai-ramai orang Sri Lanka pada tahun 1880-an itu didorong oleh permintaan pihak pentadbir British terhadap tenaga kerja mereka. Pentadbiran British di Sri Lanka telah menghantar dua kumpulan pekerja berpengalaman yang dikenali sebagai *Ceylon Pioneer Corps* ke Larut untuk menjalankan tugas pekerjaan ataupun untuk urusan lain dalam pentadbiran kolonial Inggeris. Pada 1899 misalnya telah muncul satu persatuan orang Sri Lanka di Taiping yang bertujuan untuk bantu membantu di kalangan mereka. Pentingnya disebut masyarakat Sri Lanka di sini justeru kerana ada kemungkinan, bahawa mereka juga turut menggalakkan pertumbuhan suratkhbar di Taiping.

Sebagai satu masyarakat yang *literate*, orang Melayu di Sri Lanka memang sudah mempunyai tradisi menerbitkan suratkhbar serta juga buku-buku. Satu kajian mengenai masyarakat Melayu Sri Lanka menjelaskan bahawa antara tahun 1869/1870 sebuah suratkhbar Melayu pernah diterbitkan di Colombo oleh Baba Ounus Saldin yang dinamakan sebagai *Alamat Langkapuri*.¹⁶ Selain dari itu Ounus Saldin juga telah menerbitkan sebuah lagi suratkhbar Melayu yang diberi nama *Wajah Selon* terbit di sekitar tahun 1895 hingga 1899, di mana isi suratkhbar itu ada memuatkan berita mengenai hal ehwal dunia. Lebih penting lagi, *Wajah Selon* turut dibaca orang Melayu dari Melaka, Singapura, Batavia dan di Sumatra.¹⁷ Dalam konteks penerbitan suratkhbar di Taiping, kehadiran masyarakat Sri Lanka yang ramai waktu itu, yang berkemungkinan sudah serasi dan biasa membaca suratkhbar Melayu, pastilah dapat menyokong penjualan suratkhbar.

Suratkhbar *Jajahan Melayu* dalam rencana pengarang, 4 Nov. 1896 misalnya ada melaporkan tentang suratkhbar *Wajah Ceylon* serta mengenai hubungan yang telah lama terjalin antara orang Melayu Sri Lanka dengan orang Melayu di Semenanjung. Antara lain suratkhbar itu menyebut:

Tatkala Inggeris berperang dengan orang negeri itu mereka mengambil bangsa Jawa dengan bangsa Melayu dijadikan soldadunya, maka oleh sebab bersetuju bahawa di sana dengan mereka agaknya langsunglah bangsa kita bermastautin di negeri itu hingga beranak pinak walhal dapatlah mereka mengeluarkan satu akhbar dalam bahasa kita lihatlah taulan kita *Wajah Ceylon* ialah yang telah menyeru bagi kita dalam ruangan pada Jamad' I Thani, maka oleh besar hati, kita akan doanya haraplah kepada Tuhan menolongnya, Amin.¹⁸

Besar kemungkinan kehadiran golongan masyarakat Melayu Sri Lanka yang berhijrah bersama-sama masyarakat Jawi Peranakan dan juga orang Melayu di Taiping, sudah pasti akan membantu pertumbuhan suratkhbar di bandar ini.

ISI KANDUNGAN AKHBAR

Meneliti lebih terperinci akan ketiga-tiga buah suratkhobar yang terbit di Taiping pada penghujung abad ke 19, beberapa ciri istimewa dapat dilihat. Walaupun misalnya *Seri Perak* menjadi suratkhobar yang awal terbit di Perak tetapi suratkhobar ini tidak dapat bertahan lama justeru kerana akhbar itu menghadapi masalah kakitangan dan kurang sambutan dari masyarakat. Oleh kerana tidak ada satu naskahpun suratkhobar ini yang tersimpan, maka agak sukar bagi kita untuk membuat satu penilaian yang tepat mengenai isi kandungannya. Besar kemungkinan disebabkan suratkhobar ini terbit di dalam bahasa Melayu, maka dapat diandaikan bahawa berita yang termuat didalam akhbar itu pasti berkisar di sekitar berita tempatan dan berita di kawasan utara Semenanjung. Sebagaimana dengan suratkhobar yang diterbitkan oleh Jawi Peranakan di Negeri-negeri selat, sudah tentu terdapat terjemahan berita luar negeri yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat peniaga di bandar Taiping. Mengenai kandungan berita yang terdapat di dalam *Seri Perak*, suratkhobar *Warta Perak* yang terbit pada tahun 1937 ada melaporkan secara sinis bahawa:

Karangannya tidak lebih dari karangan kitab Tarasul dan akhbarnya di sekeliling dapur pengarangnya sahaja.¹⁹

Ada juga dijelaskan bahawa berita luar yang tersiar di dalam suratkhobar itu adakalanya melewati masa dua bulan. Berhadapan dengan berbagai kekurangan serta masalah, *Seri Perak* terpaksa diberhentikan penerbitannya pada tahun 1894. Serentak dengan itu pengarangnya Mohamad Nor ditimpa sakit dan terpaksa berehat di Selangor. Kedua, pemberhentian suratkhobar itu mungkin juga disebabkan oleh kurangnya sambutan masyarakat tempatan terhadap suratkhobar tersebut. Ada kemungkinan selera pembaca telah beralih kepada suratkhobar jenis yang lain pula.

Tamatnya penerbitan *Seri Perak* tidak bererti terhenti kegiatan penerbitan suratkhobar di Taiping. Dalam jangkamasa 1894 sehingga 1896, sebelumnya terbitnya suratkhobar *Jajahan Melayu*, telah terbit di bandar Taiping suratkhobar Inggeris yang bernama *Perak Pioneer and Native State Advertiser*. Sebagaimana telah disebutkan sebelum ini, suratkhobar ini dipunyai oleh M.D. Rozario, tuannya syarikat Percetakan *Taiping Press* yang terletak di Main Road, Taiping. Selain dari mencetak suratkhobar, syarikat ini mengambil tempahan dari pelanggan yang berhasrat mengecap kad jemputan, kad nama, brosur, laporan, memoranda dan beraneka ragam alat untuk urusan pentadbiran dan perniagaan.²⁰ Mengenai suratkhobar *Perak Pioneer*, rencana pengarang di dalam keluaran sulungnya ada menyatakan bahawa suratkhobar ini diterbitkan dengan tujuan untuk menyampaikan berita dan dinyatakan selanjutnya bahawa:

As for politics we shall have little to do with them but try to be in our little way an organ of public opinion, a medium of public discussion, spreading the latest intelligence of importance from neighbouring countries and from home, and circulate advertisements from around the country for the benefit of merchants and also of Governments, when it wishes to promulgate public notice and etc.²¹

Sebahagian besar dari kakitangan suratkhbar ini didatangkan dari India yang sudah berpengalaman dalam urusan penerbitan, khususnya editor, foreman dan beberapa orang kompositor. Penerbitan akhbar ini juga bertujuan untuk mengeksploitasikan keperluan sebahagian besar masyarakat Inggeris yang berada di Taiping serta juga untuk mereka yang tinggal di bandar-bandar yang berdekatan. Isi kandungan akhbar ini dimuatkan dengan berbagai berita tempatan, iklan-iklan yang beraneka rupa, berita mengenai Kelab Perak Turf, Kinta Gymkhana Club, mengenai Perak State Railway, laporan Lumba Kuda di Kinta dan Singapura serta hal-hal lain yang diminati oleh masyarakat Eropah serta masyarakat imigran dan tempatan yang boleh membaca dan bertutur didalam bahasa Inggeris.²² Berbanding dengan suratkhbar Melayu yang diterbitkan oleh Jawi Peranakan, *Perak Pioneer* berjaya "menerbitkan berita dan mengeluarkan pendapatnya dengan berani selama suatu masa yang agak berpanjangan dan dianggap sebagai akhbar yang berwibawa di Negeri-negeri Melayu bersekutu".²³

Kegiatan menerbitkan suratkhbar bahasa Melayu di Taiping aktif semula setelah terbit suratkhbar *Jajahan Melayu* pada bulan November 1896. Sebagai sebuah akhbar mingguan, suratkhbar ini diterbitkan oleh Syed Abdul Hasssan ibni Burhan dan pengarangnya yang pertama ialah Mohd. Omar b. Hj. Abu Bakar, kedua-dua dari golongan Jawi Peranakan. Disebabkan oleh kekurangan tenaga pekerja, suratkhbar ini cuma mampu dicetak sebanyak empat lembar sekali keluaran. Di dalam edisi sulungnya ada dinyatakan bahawa penerbitan suratkhbar ini diharap dapat memasyhurkan negeri Perak kerana mengikut pengarang akhbar ini, kemasyhuran sesebuah negeri itu terletak kepada bilangan suratkhbar yang dapat dikeluarkan. Setakat mana benar pandangan ini adalah satu persoalan lain, yang nyata ialah *Jajahan Melayu* cuba mengisi kekosongan suratkhbar Melayu yang wujud di Perak setelah terkuburnya *Seri Perak*.

Selain dari menyiar berita tempatan akhbar ini turut dihiasi dengan rencana-rencana mengenai Sejarah Perak serta peristiwa penting yang membawa kepada Perjanjian Pangkor. Persoalan berkaitan dengan kedudukan pelajaran anak-anak Melayu Perak, Biasiswa dan Pelajaran Agama, diberi perhatian yang sewajarnya. Dalam banyak hal, keistimewaan *Jajahan Melayu* terletak kepada keberanian pengarangnya untuk menimbulkan persoalan mengenai bahasa Melayu di negeri Perak yang dirasanya sudah mula terbiar ekoran dari keinginan ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke

sekolah Inggeris. Dalam rencana pengarang 14 Oktober, 1897 keluhan pengarangnya begitu terasa:

Jajahan Melayu diterbitkan untuk meninggikan Bahasa Melayu supaya Bahasa Melayu tidak tenggelam kerana pada masa ini sudah ramai orang menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris dan mereka suka pula belajar Inggeris, nanti Bahasa Melayu akan ketinggalan sahaja.²⁴

Dilihat dari sudut pemakaian dan perkembangan bahasa Melayu, pandangan yang diketengahkan oleh *Jajahan Melayu* itu mungkin ada benarnya. Besar kemungkinan fakta inilah juga yang menyebabkan orang Melayu umumnya kurang gemar membaca suratkhobar bahasa mereka sendiri. Bagaimanapun, persoalan bahasa sahaja tidak boleh dijadikan alasan bagi seseorang itu memilih, sama ada untuk membaca suratkhobar Melayu ataupun suratkhobar bahasa Inggeris. Apa yang berlaku ialah mutu persembahan suratkhobar peranakan yang banyak terbit waktu itu di Semenanjung, tidak mampu menandingi suratkhobar bahasa Inggeris yang lebih 'sophisticated'. Dalam konteks suratkhobar di Taiping, hal ini memang jelas kelihatan. Berbanding dengan *Perak Pioneer*, suratkhobar *Jajahan Melayu* agak jauh ketinggalan baik dari segi mutu rencana pengarangnya maupun dari segi *make up* yang terdapat pada lembaran akhbar itu sendiri. Lantaran dapat disimpulkan bahawa kegagalan sebilangan besar suratkhobar Melayu yang terbit pada penghujung abad ke-19 ini boleh dikatakan berpunca dari kelemahan yang baru disebutkan tadi. Kurangnya pelanggan yang ingin memasukkan iklan di ruang akhbar bererti juga pengurusan suratkhobar terpaksa mencari sumber lain untuk menambah pendapatannya.

Berbeza dari *Seri Perak*, *Jajahan Melayu* berjaya menarik perhatian pembaca-pembacanya bukan sahaja melalui persoalan yang diketengahkan malahan rencana-rencana yang disiarkan dalam akhbar ini dianggap sungguh berfaedah. Lantaran itu buat beberapa ketika, suratkhobar ini mendapat langganan tetap dari pejabat Pelajaran Negeri Perak. Sepertimana suratkhobar *Sekolah Melayu* yang diterbitkan di Singapura, *Jajahan Melayu* dipilih untuk menjadi bahan bacaan murid-murid di seluruh sekolah-sekolah di negeri Perak.²⁵ Penyebaran suratkhobar *Jajahan Melayu* ini agak meluas juga memandangkan kepada banyaknya wakil penjual akhbar tersebut di beberapa bandar besar di Semenanjung. Sungguhpun sambutan yang diberi kepada *Jajahan Melayu* begitu menggalakkan pada peringkat mula diterbitkan, tetapi menjelang tahun 1897 pada keluaran yang keempat puluh dua, pengarangnya mengumumkan bahawa suratkhobar *Jajahan Melayu* terpaksa dihentikan kerana banyak langganannya yang gagal membayar wang langganan akhbar.²⁶ Walaupun diterbitkan dalam jangkamasa yang agak singkat, tetapi sebagai sebuah akhbar, *Jajahan Melayu* telah menunjukkan kemampuannya untuk menjadi pengkritik sosial yang efektif.

Dengan tamatnya keluaran *Jajahan Melayu* pada penghujung 1897 bererti juga berakhirnya penglibatan orang-orang Jawi Pekan dalam kegiatan *Press Business* di Perak pada hujung abad ke 19. Bagaimanapun dalam dekad itu, Perak menampakkan kemunculan sebuah lagi akhbar di Taiping tetapi suratkhbar ini memperlihatkan ciri-ciri yang agak berlainan dari suratkhbar biasa. Suratkhbar yang dimaksudkan ini ialah *Warta Kerajaan Perak* yang merupakan terjemahan dari *Perak Government Gazette*,²⁷ diterbitkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dengan kebenaran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Perak dan bertujuan untuk menyiarkan surat atau pengumuman daripada Raja-raja Melayu, dan juga dari orang-orang Besar ataupun Pegawai Daerah kepada orang ramai.

Walaupun ianya bukan sebuah akhbar dalam ertikata yang sebenar tetapi isi yang terkandung di dalamnya banyak memberi manfaat dan maklumat kepada pengkaji sejarah yang ingin mengetahui corak pentadbiran yang wujud di Perak pada zaman pemerintahan kolonial. *Warta Kerajaan Perak* dikeluarkan setiap bulan untuk menjadi panduan kepada rakyat negeri Perak semasa mereka berinteraksi dengan kerajaan. Warta ini diterbitkan di Taiping justeru kerana Taiping waktu itu menjadi pusat pentadbiran British di Perak sebelum ianya beralih ke Ipoh pada tahun 1937. Sekalipun dihentikan penerbitanya pada tahun 1910, ternyata *Warta Kerajaan Perak* telah memainkan peranannya sebagai penyebar maklumat yang penting di Perak dalam jangkamasa yang agak panjang.

RUMUSAN

Sebagai sebuah bandar yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan Inggeris di Perak, Taiping menyaksikan kemunculan beberapa buah suratkhbar yang tidak kurang penting, khususnya pada penghujung abad ke-19. Sebagaimana dengan keadaan di Negeri-negeri Selat, inisiatif awal untuk menerbitkan suratkhbar di Perak dilakukan oleh sekumpulan anggota masyarakat Jawi Peranakan dan Jawi Pekan yang berpengalaman dalam bidang penerbitan akhbar. Disebabkan pendedahan awal dalam kerja-kerja penerbitan akhbar semasa di Negeri Selat, maka kegiatan menerbitkan suratkhbar di Taiping pada peringkat awal dimonopoli oleh golongan ini. Bagaimanapun dengan berkembangnya bandar Taiping, ekoran dari kemasukan lebih ramai kaum imigran dari India, Sri Lanka dan dari tempat-tempat lain di Negeri Selat, maka peranan utama sebagai penerbit akhbar, yang dimonopoli oleh orang Jawi Peranakan mula beransur kurang.

Pada awal abad ke-19 Taiping menjadi tarikan penerbit suratkhbar kerana bandar ini sudah mempunyai infrastruktur yang cukup untuk menampung kegiatan *Press Business* yang lebih besar. Berkembangnya syarikat percetakan dan masuknya pengusaha suratkhbar Inggeris dari luar negeri seperti dari India serta negara jiran yang lain, yang lebih keterampilan

serta berpengalaman dalam bidang penerbitan dan kewartawanan, menunjukkan perusahaan suratkhbar Jawi Peranakan di Taiping mula mengalami kemerosotan yang amat ketara. Kesan inilah yang dialami oleh penerbit akhbar *Seri Perak* dan *Jajahan Melayu* iaitu dua buah akhbar terpenting di Taiping.

Menjelang tahun 1900, kegiatan penerbitan akhbar telah beralih ke Batu Gajah dan seterusnya ke Ipoh. Peralihan ini berlaku justeru kerana beralihnya pusat pentadbiran Inggeris dari Taiping pada tahun 1937. Semenjak tahun 1901 sehingga tahun 1940an kegiatan menerbit suratkhbar tidak lagi melibatkan masyarakat Jawi Peranakan. Peranan itu beralih ke tangan orang Melayu yang sudah mula aktif bukan sahaja dalam bidang penerbitan tetapi juga dalam bidang politik. Sehingga tahun 1940an kemajuan suratkhbar Melayu di Perak boleh dikatakan setanding dengan suratkhbar Inggeris yang terbit di Semenanjung dan Negeri-negeri Selat. Muncunya beberapa buah akhbar seperti *Jambangan Warta* (1901), *Warta Perak* (1937), *Warta Kinta* (1937), *Chahaya Timor* (1942) dan *Suara Rakyat* (1945) pada zaman selepas 1900, diusahakan oleh tokoh-tokoh wartawan seperti Hj. Ahmad Noor Abdul Shukoor, Abdul Rahman b. Abdul Rahim dan Ahmad Boestamam menunjukkan bahawa orang Melayu sudah melibatkan diri secara cergas dalam perusahaan penerbitan akhbar. Pada zaman inilah akhbar-akhbar Melayu mula menjadi tempat untuk orang Melayu menyuarakan pandangan mereka yang radikal. Akhbar pada masa ini menjadi pengkritik tajam terhadap dasar pemerintahan British di Semenanjung.

¹Mengenai perkembangan suratkhbar di Perak lihat Noriah Dermawan, "Sejarah akhbar-akhbar Melayu di Perak 1893 hingga Pertengahan Tahun 1940an", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974/75.

²Annabel Teh Gallop, "Early Malay Printing: An Introduction to the British Library Collections", *JMBRAS*, Vol. 63, Pt.1 (1990), h.85.

³*Ibid*, h. 86. Lihat juga Annabel Teh Gallop, "Dunia Percetakan Melayu Hingga Tahun 1900: Suatu Tinjauan Awal", *Persindangan Antarabangsa Tamadun Melayu* ke 2, 15-20 Ogos, 1989.

⁴Leona O'Sullivan, "The London Missionary Society: a written record of missionaries and printing presses in the Straits Settlements 1815-1847", *JMBRAS*, LVII,2, 1984, h.61-104.

⁵Ibrahim Ismail, "In quest of The Malay Magazine (1821-22)", *Indonesia Circle*, 21: March 1980, h. 45-48 dan Ibrahim Ismail, "Missionary Printing in Malacca 1815-1843", *Libri*, xxxii, 3: 1982, h. 177-206.

⁶Annabel, "Early Malay Printing", h. 97.

⁷*Ibid*.

⁸O'Sullivan, "The London Missionary Society", h. 90.

⁹Untuk keterangan lanjut mengenai perkembangan suratkhbar Melayu sila rujuk, William R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States, 1879-1941*, London, Oxford University Press, 1972; E.W. Birch, "The Vernacular Press in the Straits", *JMBRAS* 4(1879), h. 51-55; Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaya, 1984 dan Mohd.Sarim Hj. Mustajab et. al, *Akhbar dan Majalah Di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*, Bangi, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

¹⁰Lihat Noriah, "Sejarah Akhbar-akhbar Melayu Di Perak", hh. 40-46.

¹¹Muhammad b. Dato Muda, *Tarikh Surat Khabar*. Bukit Mertajam, Matbaah al-Zainiah, 1940.

¹²*Perak Pioneer*, Vol. 1, No. 1, 4 July, 1894.

¹³*Ibid.*

¹⁴Norah, "Sejarah Akhbar-akhbar Melayu Di Perak", hh. 40-46.

¹⁵Khoo Kay Kim, *Taiping Ibukota Perak*. Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, 1983, hh. 16-17.

¹⁶Mengenai suratkhbar ini lihat, B.A. Hussainmiya, *Lost Cousins, The Malays of Sri Lanka*, Occasional Paper on The Malay World, No. 2, IBKMM, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987, h. 91.

¹⁷*Ibid.*

¹⁸*Jajahan Melayu*, 4 Nov., 1896.

¹⁹*Warta Perak*, 20 Mac, 1937.

²⁰*Perak Pioneer*, 16, Sept., 1894; 17, Aug., 1894 dan 19 Sept., 1894.

²¹*Perak Pioneer*, 4 July, 1894.

²²*Perak Pioneer*, 17 Nov., 1894. *passim*.

²³Khoo Kay Kim, *Taiping*, hh. 12-13

²⁴*Jajahan Melayu*, 11 Okt., 1987.

²⁵Rencana Pengarang *Jajahan Melayu*, 5 Ogos, 1897.

²⁶*Jajahan Melayu*, 6 Mei, 1897.

²⁷Lihat *Warta Kerajaan Perak*, 31, 1897.

²⁸*Warta Kerajaan Perak*, 19 Nov, 1896; 30 Nov., 1897, *passim*.